

Kronologi Peristiwa Berkaitan Bangi: 1950-1959

Laman Utama	1900-1909	1910-1919	1920-1929	1930-1939	1940-1949	1950-1959	1960-1969	1970-1979	1980-1989	1990-1999	Hubungi Kami
-------------	-----------	-----------	-----------	-----------	-----------	-----------	-----------	-----------	-----------	-----------	--------------

Pengakuan penting: Kami bukan ahli sejarah! Sila klik di sini untuk penjelasan lanjut.



Gambar hiasan: Bangi Tahun 1950-an (1957?) (Faizal Hj Zainal, September 14, 2008:

"Sejarah Bangi").

1950-02-24: Ketua "Geng Kajang", Liew Kon Lim

Tarikh	Butiran Keratan
1950.02.24	"\$140,000 REWARD FOR BANDIT". The Straits Times, 24 February 1950, Page 7
1950.03.16	"THE SUFFOLKS Vs MR.LIEW". The Straits Times, 16 March 1950, Page 11
1950.05.05	"'NO SURRENDER' BANDITS GIVE IN". The Straits Times, 5 May 1950, Page 1
1950.05.06	"RAID ON VILLAGE FOILED". The Straits Times, 6 May 1950, Page 7
1950.05.06	"\$20,000 FOR HIS CAPTURE". The Straits Times, 6 May 1950, Page 7

Pada 24 Februari 1950, antara lain, \$20,000 ditawarkan oleh Polis Selangor bagi sebarang maklumat berkenaan Liew Kon Lim (Ketua "Geng Kajang" dan selatan Selangor, digelar "Voo Soo", "Bearded Wonder" atau "Bearded Terror", kerana membela janggut tebal - juga "Chow Wah").



Liew Kon Lim. Kiri: berjanggut. Kanan: bercukur.

LATAR PERISTIWA: [Liew Kon Lim](#)

1950-08-14: Bas SUM Dibakar Komunis



"Pada 75 tahun yang lalu iaitu pada 4 Ogos 1950 sebuah bas dalam perjalanan dari Kajang ke Dengkil telah ditahan dan kemudiannya dibakar oleh penganas komunis di Batu 25 1/2 (jalan di antara Sg. Buah Luar - Jenderam). Dalam tempoh 1949 - 1951 sahaja direkodkan sebanyak 13 buah bas telah dirompak dan dibakar oleh penganas komunis di dalam negeri Selangor termasuklah 3 buah bas di

daerah kita ini. Kawasan Mukim Kajang merupakan salah satu kawasan hitam semasa era Darurat 1948 - 1960. Kelihatan dalam foto lama yang diwarnakan ini sebuah bas SUM berjenama Seddon dengan no. plate BC 48 di tahan untuk pemeriksaan keselamatan yang ketat di era Darurat. Syarikat Sum Omnibus Company telah didaftarkan sebelum tercetus Perang Dunia ke 2 lagi iaitu pada 21 April 1938 dan menamatkan operasinya pada Disember 2005 setelah 67 tahun memberikan jasa dan perkhidmatannya kepada penduduk daerah kita. Catatan ajaizainal Sept.2025” (Faizal Zainal @ Facebook Pekan Bangi, 3 September 2025: "[Catatan Sejarah Daerah Kita. Bas SUM Dibakar Komunis](#)").

1950-09-27: Bangunan Pertukangan di Sekolah

Tarikh	Butiran Keratan
1950.09.27	"SANCTION TO USE BALANCE OF THE VOTE (EXTENSION TO MALAY SCHOOLS) TO CONTRACT PERMANENT CARPENTRY BUILDINGS AT ULU YAM, BANTING, BANGI, JERAM AND SABAK". PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR @ Arkib Negara Malaysia

Pembinaan bangunan pertukangan di beberapa sekolah di Selangor, antaranya di Bangi.

1950-10-24: Denda Tertinggal Basikal

Tarikh	Butiran Keratan
1950.10.24	"UNATTENDED: \$2". The Straits Times, 24 October 1950, Page 5

Saman \$2 ke atas seorang warga yang tertinggal basikal di Bangi.

CATATAN 1: Ketika ini, beberapa peraturan dikenakan terhadap pengguna basikal. Selain saman di atas, contoh lain ialah saman memboncong basikal (\$3):-

- The Straits Times, 18 June 1950, Page 5:


"CYCLIST FINED").

- The Straits Times, 18 June 1950, Page 11:

"BICYCLE OFFENCE").

CATATAN 2: Nasser Ahmad, pengumpul basikal lama di Kuala Nerang, Kedah, memberi gambaran ringkas mengenai pemilikan basikal di kalangan masyarakat ketika itu: *“Back in the early days, the bicycle was the single most important mode of travel for the ordinary man, shares Nasser (Nasser Ahmad, collector of vintage bicycles from Kuala Nerang, Kedah). Back then, cars were few and far between. ‘You really had to be a big shot to have a car. Automobiles at that time were mainly used by the royal family, wealthy businessmen and important government officials. The rest of the population depended on buses and trains to travel long distances and their trusty Raleigh or Hercules bicycles to take them to nearby places.’ ... Bicycles cost between \$100 to \$200 in the past, depending on the brand and country of origin, adds Nasser. The ones from England were the most popular. During that time, brands like Hopper, Hercules, Raleigh, BSA and Royal Enfield were household names. People could identify with their quality and dependability. That sum of money, says Nasser, may not look like much today but back then, it was quite substantial. ‘It was almost equivalent to a clerk’s monthly salary. As a result, most families could only purchase one bicycle to be shared by everyone. Naturally,*

they'd buy the adult-sized bicycle as the parents would be the ones using it the most."



Kiri: "British Small Arms (BSA) advert in Jawi advocating how bicycling can help reduce workload."
Tengah: "It's still possible to find vintage bicycles with their original licence plates."
Kanan: "The rare 'Negeri Syaburi' bicycle licence issued in the Buddhist year 2488. ... Among his most prized items is a licence issued during the Thai Occupation of Malaya. Completely in Jawi, it bears the heading 'Negeri Syaburi. Lesen kenderaan-kenderaan.' It's for a black coloured Hercules bicycle with the body frame number BO 70054. The licence authorises the owner, Matcha bin Pitchay Ghani, living at 17 Pengkalan Kapal to use the bicycle from July 1, 2488 until Dec 31, 2488. The Buddhist year 2488 used by the Siamese government coincide with the English date 1945. The significance of this piece of paper? The British were back in Malaya by the time it expired and the state had reverted to its former name — Kedah!"

(Sumber: Alan Teh Leam Seng @ New Straits Times, January 22, 2017:

"A cycle through time").

CATATAN 3: Basikal yang lazimnya digunakan ketika itu ialah jenama Raleigh atau Hercules.



"At Gallery C. Image credit: Maganjeet Kaur. ... A British Hercules bicycle can be seen in Gallery C in the section describing the rubber industry in Malaysia in the early days. The latex containers on the sides are a clear example of how this bicycle was used as a transport workhorse of various goods in estates, businesses and elsewhere, now replaced by the motorcycle. Though Raleigh was the most popular as a regular bicycle, Hercules was the utility bicycle seen in towns and villages. Other Hercules models included those for racing purposes. ... The Hercules was bigger and higher than the regular brands, had larger handlebars with a flat carrier added at the back, sometimes also with a metal basket in front. This carrier is known to have transported, among others, sacks of lallang by cowherds, milk containers or a box for various things by tradesmen and of course latex containers for the smallholding rubber tapper."



"Hercules logo on the bicycle at Muzium Negara ... How exactly were these bicycles used in the estates? The trees would have been cut at a slant in the very early morning so that it does not coagulate as it flows into the collecting cups or harden too fast on the cut. Usually about 9 or 10 am, the smallholder would make the rounds on the bicycle, pouring the latex into the metal containers fixed on the sides. Depending on the size of the estate, more trips would be made by the smallholder or collection made by a team of workers. When the containers are full, these are taken to the smallholder's shed where the latex is coagulated with formic acid and processed to make sheet rubber or block rubber. Larger estates used bullock carts with very large metal tanks while tappers

used the 'kender' or kandar stick on their shoulder with two containers hanging at the ends, all later replaced by trucks. Other competitor brands of bicycles would also have been used such as the Hopper, another bicycle of somewhat similar build."

(Sumber: V. Jegatheesan @ Museum Volunteers, JMM, August 16, 2021:

"H is for Hercules").

1951-03-14: Perkampungan Baru

Tarikh	Butiran Keratan
1951.03.14	"Pastures new in Selangor". The Straits Times, 14 March 1951, Page 6

Kerajaan British menjalankan operasi besar-besaran di seluruh Malaya, bagi memindahkan masyarakat setinggian Cina ini ke perkampungan baru yang dirancang dan dibina berdekatan bandar, khusus untuk memutuskan hubungan mereka dengan kubu-kubu tentera gerila komunis di pinggir hutan ([Rancangan Briggs](#)). Antara yang terbesar ialah di [Jinjang](#), kira-kira 5 batu ke selatan dari Kuala Lumpur, seluas 400 ekar (asalnya ladang getah) dan menempatkan 17,000 orang penduduk.



Birth of a new town at Jinjang, five miles south of Kuala Lumpur. When this resettlement scheme is finished, it will house more than 1,500 squatter families — tappers and miners from the neighbourhood and urban workers from Kuala Lumpur itself.

Kelahiran bandar baru Jinjang, 5 batu ke selatan dari Kuala Lumpur, bakal menempatkan 1,500 buah keluarga setinggian, pekerja ladang dan lombong, serta pekerja bandar Kuala Lumpur.

Sementara itu, sebahagian besar daripada 24,000 penduduk Ampang (kawasan hitam), bakal dipindahkan di beberapa perkampungan berasingan, antaranya di Sungei Buloh. Beberapa petempatan besar yang lain terletak di Subang dan Semenyih. Antara yang dipindahkan ke Semenyih ialah penduduk kawasan hitam di sekitar Bangi.

CATATAN 1: Salah satu perkampungan baru ini ada di Bangi, dan dinamakan "Bangi Village" (kini Kampung Aman): "Kampung Baru Cina ini terletak betul-betul belakang Pekan Bangi yang dahulunya kebun Kelapa milik seorang cina bernama Law Lin, tempat ini dahulu lebih dikenali sebagai 'Bangi Village' ia wujud apabila Inggeris mengadakan kawasan Kg.Baru semasa Darurat dalam tahun 50an. Penduduk Cina disini berasal daripada kawasan bersebelahan Estet Bangi dan sebahagian lagi berasal dari Kacau, Broga dan Mantin. Pada tahun 90an berlaku kebakaran di sebahagian rumah panjang ini dan kebanyakan mereka membina kembali rumah mereka di kawasan bukit belakang Kedai

Mara, tanah yang telah mereka beli daripada Broome Estate dalam tahun 70an." (Faizal Hj Zainal, September 14, 2008:

"Sejarah Bangi").

LATAR PERISTIWA: [Sejarah Awal Bangi: 1950-an: Perkampungan Baru: Kampung Aman.](#)

CATATAN 2: Koleksi anekdot, gambar, serta rencana berkaitan perkampungan baru:-

1. Francis Loh @ Aliran, 20 Sep 2013:

"[New Villages resettlement programme during the 'Emergency' 1948-60](#)". Sumber gambar akhbar di atas (versi yang lebih jelas):-



2. Yip Yoke Teng @ The Star, 12 May 2015:

"[Jinjang grows out of bad reputation](#)"

3. [Ronnie Tan, 2019: | "Civilians In The Crossfire: The Malayan Emergency"](#)
4. [Leong Kwok Peng, 2020: "New Villages of Malaya"](#)
5. [Arjun Mohanakrishnan @ the Vibes.com, 18 Apr 2021:](#)

"[Revisiting history: could Malaya's New Villages get heritage site nod?](#)"

CATATAN 3: Peta Perkampungan baru (The Cultures of Occupation in Twentieth Century Asia (COTCA) Project @ University of Nottingham):-

- [The Malayan Emergency: Digital Map](#)
- [Spaces of the Malayan Emergency, 1954](#)

LATAR PERISTIWA: [Maklumat lanjut tentang Darurat.](#)

1951-05-20: Ladang Connemara

Tarikh	Butiran Keratan
1951.05.20	"CONSORTING CHARGE". The Straits Times, 20 May 1951, Page 11

Seorang warga ditangkap di [Ladang Connemara](#), Bangi, kerana didakwa berhubung dengan anggota tentera komunis.

CATATAN: Maklumat lanjut tentang Ladang Connemara: [1929-03-07: Gabungan Ladang Balgownie dan Connemara.](#)

1952-11-06: Lawatan Penasihat British

Tarikh	Butiran Keratan
1952.11.06	"Extensive tour by Adviser". The Straits Times, 6 November 1952, Page 5

Lawatan Penasihat British yang baru, Mr. H.G. Hammet, ke daerah Ulu Langat, termasuk Bangi.

CATATAN 1: Perihal Mr. H.(Harold) G. Hammet:-

- **1929:** Mula bertugas di

[Malayan Civil Service \(MCS\)](#) (Mrs Anne Hinam @ Derby CSV Action Desk, 2005:

["A Civilian Prisoner of the Japanese"](#)).

- **1934:** Menyertai [Straits Settlement Royal Naval Volunteer Reserve](#), sebelum bersara darinya pada 29 Disember 1934 (

["GAZETTE NOTICES". Malaya Tribune, 29 December 1934, Page 14](#)).

- **1945-1946:** Setelah [British Military Administration \(BMA\)](#) mengambil alih pemerintahan dari pihak Jepun, beliau berperanan mendesak BMA agar mengambil tindakan terhadap kegiatan serta perancangan MPAJA(PKM) untuk membebaskan Malaya dari British. (Ahmad Zaki Mohd Johari, 2017:

["Kerjasama dan konflik antara Parti Komunis Malaya dengan British Di Tanah Melayu, 1941-1948"](#)).

- **1947-1948:** Acting Deputy Chief Secretary of Malaya

- **1952, 1954-1957:** Resident Commissioner (Pesuruhjaya Residen) Negeri Melaka

- **1957:** Pada hari kemerdekaan (31 Ogos), beliau menyerahkan "instrument of independence" kepada gabenor pertama negeri Melaka, [Leong Yew Koh \(Tun\)](#) (M.Veera Pandiyan @ The Star, 04 Apr 2014:

["The charm and nostalgia of Banda Hilir"](#)).



"31 Ogos 1957: Ketua Menteri Melaka, Dato Osman bin Talib (tengah) melaungkan "Merdeka" selepas beliau membaca pengisytiharan kemerdekaan di Bandar Hilir, Melaka. Duduk di sebelah kirinya ialah Gabenor Melaka, Encik Leong Yew Koh dan duduk di sebelah kirinya ialah Residen Komisioner Melaka, Encik H. G. Hammet. IMEJ: cucu kepada Dato Osman, Saudara Idris Mokhtar, telah berbaik hati untuk membenarkan kami menyiarkan gambar bersejarah datuknya." (Idris Mokhtar @ Melaka In Fact, 11 Oktober 2019:

"31 Ogos 1957: Ketua Menteri Melaka, Dato Osman bin Talib...").

CATATAN 2: Maklumat berkaitan:-

- Malayan Civil Service (MCS) dalam Sejarah PTD:

"Ringkasan Sejarah".

- Straits Settlement Royal Naval Volunteer Reserve dalam Sejarah TLDM, 2016:

"PENUBUHAN PASUKAN STRAITS SETTLEMENT NAVAL VOLUNTEER RESERVE".

- Peranan H.G.Hammett dalam tempoh peralihan Jepun-British, secara terperinci: Kevin Blackburn, Karl Hack, 2012:

"War Memory and the Making of Modern Malaysia and Singapore" (PDF), m.s. 84-85.

1953-04-18: Polis di Ladang Broome

Tarikh	Butiran Keratan
1953.04.18	"Points from letters". The Straits Times, 18 April 1953, Page 9

Surat pembaca dari Seremban, mengucapkan terima kasih kepada pegawai polis di [Ladang Broome](#) yang telah membantu menarik lori beliau dari dalam gaung di Bangi.

LATAR PERISTIWA: [Broome Estate](#).

1953-06-15: Sekatan Komunis

Tarikh	Butiran Keratan
1953.06.15	"MR. WALSH DROVE STRAIGHT ON". The Straits Times, 15 June 1953, Page 1

Pengurus Ladang Jempol (Bahau, Negeri Sembilan), dalam perjalanan dari Bangi ke Jelai dalam kereta perisai, ditahan di sebuah sekatan jalan raya tentera komunis. Beliau berjaya melepaskan diri tanpa sebarang kecederaan.

1954-01-16: Bangunan Baru Sekolah Bangi

Tarikh	Butiran Keratan
1954.01.16	"New building". The Straits Times, 16 January 1954, Page 5

Sebuah bangunan baru bakal dibina di [Sekolah Melayu Bangi](#) (kini [Sekolah Kebangsaan Bangi \(SK Bangi\)](#)) bagi menempatkan kelas Sains Rumahtangga.

CATATAN: Korikulum sains rumahtangga di sekolah-sekolah Melayu menggabungkan ilmu saintifik (barat) semasa, dengan sosiobudaya tradisi Melayu: *"The curriculum for girls had lower standards in arithmetic and geography, and varied the practical and handwork sections of the boys' curriculum. Domestic science was to be taught wherever possible, and drill and games were a part of the curriculum in all schools. Care was taken that school hours allowed pupils time to assist their families. For Malay girls, the curriculum emphasised additional subjects, which were commonly taught in schools throughout the Empire, and focussed on the home and children."* (Anna Maree Doukakis, 2012:

|
["Now we want Malays to awake': Malay Women Teachers in Colonial Johor and their Legacy."](#))



Gambar hiasan: "Kaum Ibu semasa majlis Maulid Nabi Sekitar tahun 50an" (Faizal Hj Zainal, September 14, 2008:

"Sejarah Bangi").

LATAR PERISTIWA: Sekolah Melayu / Kebangsaan Bangi

1954-01-30: Perayaan Dalam Darurat

Tarikh	Butiran Keratan
1954.01.30	"For them it will be HAPPY New Year". The Straits Times, 30 January 1954, Page 2

Sempena sambutan Tahun Baru Cina, perintah berkurung dilonggarkan untuk 2 hari bagi daerah Ulu Langat, antaranya di Bangi, dari 7pm ke 1am.

1955-07-05: Perintah Berkurung

Tarikh	Butiran Keratan
1955.07.05	"4 Reds keep 9,000 at home". The Straits Times, 5 July 1955, Page 1

Perintah berkurung di beberapa kawasan ladang dan hutan di sekitar Kajang, Bangi, Semenyih, dan Sungei Lallang, berikutan aktiviti penculikan di Jalan Kajang-Dengkil, oleh saudara kandung askar komunis [Liew Kon Lim](#).

1955-07-28: PRU: Perikatan Menang Besar

Tarikh	Butiran Keratan
1955.07.28	"Missing Tengku mystery". The Straits Times, 28 July 1955, Page 1

Keputusan Pilihan raya umum pertama di Tanah Melayu (satu-satunya pilihanraya umum sebelum merdeka): **Parti Perikatan** (pimpinan **Tunku Abdul Rahman**) menang 51, **PMIP** (kini PAS) 1, dan **Parti Negara** pimpinan (**Dato Onn Jaafar**) kalah di kesemua 30 kerusi yang dipertandingkan. Bangi hujan lebat pada hari mengundi, namun ada pengundi yang dikatakan menolak tawaran untuk menumpang kereta Parti Perikatan ke pusat mengundi, kerana menyokong Parti Negara.

HOW THE PEOPLE VOTED

JOHORE	PERAK	SELANGOR	KEDAH
Johore Bahru SULEIMAN bin DATO ABD. RAHMAN (All.) 8,745 Dato Onn bin Ja'afar (Negara) 2,802 Majority 5,943; poll percentage 77.6. Johore Selatan L. H. TAN (All.) 21,581 Kassim bin Awang Chik (Negara) 2,318 Majority 19,263; poll percentage 53.8. Johore Tengah TEOH CHZE CHONG (All.) 7,100 Haji Anwar bin Hj. Abd Malik (Negara) 1,068 Majority 6,032; poll percentage 71.72. Johore Timor ISMAIL bin DATO ABDUL RAHMAN (All.) 10,800 Ja'afar bin Haji Ali (Negara) 350 Haji Abdullah bin Hj. Taib (Ind.) 253 Majority 10,450; poll percentage 82.8. Muar Selatan TAN SUAN KOK (All.) 23,580 Dato Mahmud bin Mohd Shah (Negara) 4,108 Majority 19,472; poll percentage 51.9. Muar Utara HAJI HASSAN bin HJ. YUNOS (All.) 19,502 Haji Mohd. Nor bin A. Hamid (Negara) 3,623 Majority 16,179; poll percentage 82. Batu Pahat S. C. MacINTYRE 18,068	Kinta Utara V. T. SAMBANTHAN (All.) 7,900 Chik Mohamed Yusuf (NAP) 1,832 Choudhary K.R.R. (Lab.) 357 Mohd. Ramly bin Abdullah (PML) 214 Majority 6,068; poll percentage 85.85. Batang Padang ABD. HAMID KHAN (All.) 9,170 Mohd. Shamsuddin bin Hj. Hamzah (NAP) 1,218 Abd. Majid (PML) 766 Majority 7,952; poll percentage 79.18. Teluk Anson BAHAMAN bin SAMSUDDIN (All.) 10,514 Hassan Adli bin Hj. Hassan (PMIP) 3,812 Majority 6,702; poll percentage 81.9. Larut-Matang CHEAH KHAY CHUAN (All.) 15,407 Abu Bakar bin Said (PML) 4,453 Wan Zarazillah (NAP) 3,437 Puran Singh (Lab.) 761 Majority 10,954; poll percentage 81.7. Sungei Perak Hilir ABDUL AZIZ bin HJ. MARYABAR (All.) 17,483 Meor Ahmad bin Yusoff (NAP) 4,794 Mohd. Dahan bin Katib (Ind.) 264 Majority 12,689; poll percentage 89.2. Krian HAJI AHMAD TUAN HUSSAIN (PMIP) 8,685	Kuala Lumpur Barat ONG YOKE LIN (All.) 4,667 Abdullah bin Ibrahim (Negara) 1,371 Tan Tuan Boon (Lab.) 1,018 Majority 3,296; poll percentage 80.1. Kuala Lumpur Timor CHEAH EWE KEAT (All.) 6,790 Mohd. Salleh bin Hakim (Negara) 2,431 Abdul Wahab Majid (Ind.) 1,003 Majority 4,359; poll percentage 78.76. Selangor Tengah LEE ENG TEH (All.) 5,622 Zulkifli Mohamed (PMIP) 1,711 Atan Chik bin Lengken (Negara) 839 Majority 3,941; poll percentage 88.5. Langat ABU BAKAR bin BAGINDA (All.) 7,069 Mohd. Nazir bin Hj. Abdul (Negara) 2,147 Majority 4,922; poll percentage 87. Kuala Selangor RAJA RASTAN SHAHROME (All.) 11,857 Othman bin Abdullah (PMIP) 4,778 Mohd. Ambia bin Sanusi (Negara) 756 Majority 7,079; poll percentage 82.8. Selangor Barat AZIZ ISHAK (All.) 8,713 Mohd. Rashid bin Ahmad (Negara) 3,092 Majority 5,621;	Sungei Muda TENGGU ABDUL RAHMAN (All.) 22,226 Syed Jan Al Jeffri (Ind.) 1,239 Majority 20,987; poll percentage 97.23. Kedah Tengah MOHAMED KHIR JOHARI (All.) 31,077 Puteh bin Napa (Negara) 1,431 Majority 29,646; poll percentage 89.8. Kedah Selatan LIM TENG KWANG (All.) 21,050 M. Saleh Shafie (PMIP) 1,563 Majority 19,487; poll percentage 89.4. Kedah Utara SYED AHMAD SHAHABUDDIN (All.) 25,544 Haji Abdullah bin Hj. Abbas (Ind.) 1,578 Haji Laidin bin Hj. Abdul Manan (Negara) 1,309 Majority 23,966; poll percentage 86. Kota Star TENGGU KASSIM (All.) 27,357 Haji Rejab (Negara) 2,168 Majority 25,189; poll percentage 86.7. Aior Star LEE THEAN HIN (All.) 27,897 Haji Salim bin Hj. Mohd. Rejab (Negara) 1,784 Majority 26,113; poll percentage 84.2. PERLIS Perlis SHEIKH AHMAD bin MOHD. HUSAIN (All.) 17,760

Bangi terletak dalam parlimen Langat: **Abu Bakar Baginda** (Perikatan) mengalahkan Mohd Nazir Hj Abdul Jalil (Parti Negara) dengan majoriti 4,922. (Sumber gambar dan maklumat lanjut: [Harith Faruqi Sidek](#), 2013:

"Sekilas Kenangan: Pilihanraya Umum Persekutuan Tanah Melayu 1955").

CATATAN 1: Pihak British menyebelahi Dato' Onn dan Parti Negara dalam pilihanraya ini (juga dalam [Pilihanraya Tempatan 1952](#), melalui parti beliau ketika itu, [Independence of Malaya Party \(IMP\)](#)), bagi

mengimbangi pengaruh nasionalis dan perkauman di dalam parti Perikatan, selain usaha melengahkan kemerdekaan Malaya. Maklumat lanjut:-

1. Joseph M. Fernando @ The Star, 8 Jun 2007:

"The rebel in Onn Jaafar"

2. Joseph M. Fernando, 2003:

"BRITISH ATTITUDE TOWARDS THE ALLIANCE PARTY, 1952-1957" (PDF)

CATATAN 2: Setelah Parti Negara tidak lagi aktif selepas kematian Dato' Onn pada tahun 1962, Dato' Mohd Nazir Hj Abdul Jalil menyertai Parti Perikatan (Dharmala N.S., 2005:

Tun Abdul Razak, Bapa Pembangunan: Kebenaran di Sebalik Perjuangan: Tradisi Kepimpinan Berjiwa Rakyat, m.s.169 (PDF)) dan kemudiannya bertanding dan memenangi kerusi DUN Kajang untuk 2 penggal (1964-1969, dan 1971-1973) (Wikipedia).



Bangunan Dato' Nazir (kiri), dibina di Kajang pada tahun 1970, di tapak bangunan pejabat daerah Ulu Langat yang lama (kanan) (Eric Lim, 2020:

[History of Kajang](#)). Perpustakaan Kajang menyewa tingkat atas bangunan ini sejak 1975 (Dr Shafie Abu Bakar, 2011:

"Melawat Perpustakaan Beranang, Semenyih Dan Kajang"), kini dipindah milik kepada Restoran Sate Hj Samuri. (Sumber gambar terkini: hooyewlim @ Steemit, 2019:

"Restoran Sate Kajang Hj Samuri"

LATAR PERISTIWA: "Ulu Langat District Office was set up in 1883 and records of that time show that the Ulu Langat village was the largest settlement in the district but Kajang was chosen as the district capital because of its central location. An early census of Kajang is interesting - one police clerk (indicating that the police station was already established), one ranger (most definitely Raja Alang), twenty-two shopkeepers (of which sixteen were Sumatrans) and one gambler (most likely a Chinese!). The district office building was built in the 1910s and was in operations until it was demolished and a new building (Bangunan Dato Nazir) constructed in 1970." (Eric Lim @ Museum Volunteers, JMM, July 15, 2020:

"History of Kajang").

1956-02-24: Kes Salah Laku Di Sekatan


Tarikh	Butiran Keratan
1956.02.24	"THE WOMAN who refused to take off her undies...". The Straits Times, 24 February 1956, Page 5
1956.02.24	"THE WOMAN who said she was stripped naked...". The Straits Times, 24 February 1956, Page 5
1956.02.24	"THE WOMAN who heard ' two words in Malay...". The Straits Times, 24 February 1956, Page 5
1956.02.28	"WOMAN GAVE ME THE SLIP-SAYS COLONEL". The Straits Times, 28 February 1956, Page 5

Beberapa kes aduan salah laku pihak berkuasa ketika pemeriksaan warga di pintu-pintu sekatan di perkampungan. Kes-kes ini telah mencetus siasatan, seterusnya sesi pengadilan di mahkamah oleh pihak kerajaan.

CATATAN 1: Hasil siasatan mendapati 61 orang telah menjadi mangsa kes-kes salah laku ini, sejak pemeriksaan ketat mula dijalankan pada 5 Januari 1956 di beberapa perkampungan. Di Semenyih, beberapa bantahan terbuka berlaku di Kachau, Semenyih pada 12 dan 14 Januari 1956. Maklumat lanjut tentang pengadilan dakwaan kes-kes salahlaku di sekatan ini: *"The Semenyih villagers had never liked gate checks and found the daily process of actually getting out Of the New Village extremely irksome. With the end of the house curfew at 0500 hours, the tappers - men and women in separate lines - usually filed past two decrepit booths just outside the Kachau Gate. While most were simply frisked by Police and moved along, some men and women were randomly picked and led into the booths to be searched by having their clothing loosened and their bodies felt under them, or even having their outer garments removed. The tappers then had to wait outside in a group till the perimeter curfew was lifted at 0600 hours. ..."* (Kumar Ramakrishna, 2002: ["Emergency Propaganda - The Winning of Malayan Hearts and Minds 1948-1958"](#), m.s.173)

CATATAN 2: "1948-1956 Satu sekatan yang dinamakan Bangi Gate dibina di Jalan Bangi Lama berhampiran dengan kedai Ang Giap sekarang. Bangi Gate dibuat daripada dawai berduri dan sesiapa tidak boleh melintasinya dari jam 7.00 malam hingga 6.00 pagi. Setinggalan Cina terutamanya yang dipindahkan ke Kampung Baru Semenyih, mestlah diperiksa terlebih dahulu sama ada mereka

membawa susu lembu, beras, ubat atau apa-apa bahan di dalam tong susu getah atau di dalam anak baju perempuan. Sebuah khemah atau trak tentera berdinding canvas digunakan untuk memeriksa perempuan yang dicurigai. Kebanyakan mereka sebagai penoreh getah di Ladang Sungai Purun. Ladang Sungai Purun telah dijadikan zon industri Jalan Bangi Lama". (Wikipedia, "[Kampung Sungai Purun](#)")



Kemungkinan lokasi **Bangi Gate**.

Kiri: Ditanda merah, berdasarkan peta Survey Dept. F.M.S., 1950:

|

"Selangor".

Kanan: Kini **kedai Ang Giap**, berdasarkan peta [Google Maps](#).

1956-03-03: Penubuhan Majlis Tempatan



Tarikh	Butiran Keratan
1956.03.03	"Councils for villages". The Straits Times, 3 March 1956, Page 4

Penubuhan majlis tempatan di Semenyih, Bangi, Dengkil, Beranang dan Ulu Langat: *“Local councils will be set up at Semenyih, Bangi, Dengkil, Beranang dan Ulu Langat village. They will send representatives to meetings of the Ulu Langat District Town Board.”*

1956-12-03: Pengurus Ladang Sungai Purun Terbunuh

Tarikh	Butiran Keratan
1956.12.03	"Planter shot dead by sentry". The Straits Times, 3 December 1956, Page 1

Penolong pengurus Ladang Sungai Purun, Mr. Richard Entwistle, ditembak mati oleh pengawal kem R.A.F. di Jalan Bangi Lama, dalam perjalanan pulang dari Semenyih.



Kawasan Ladang Sungai Purun, ditandakan merah.

Kiri: Tempat kejadian, *Bangi Rd.*, menyusuri sebelah tenggara ladang tersebut (Berdasarkan peta

Survey Dept. F.M.S., 1950:

|

"Selangor").

Kanan: Kini merangkumi kawasan Bandar Teknologi Kajang, Taman Industri Mega, Taman Baiduri Jaya, Hillpark 2, Taman Semenyih Mewah Fasa 2, Kajang East, dan Kaseh Heights (Berdasarkan peta [Mapcarta](#)).

1957-05-20: Pembukaan SK Rinching Hilir

Tarikh	Butiran Keratan
1957.05.20	"SK Rinching Hilir: Profil". Laman SK Rinching Hilir, Bangi

"Okt 1956 : Sekolah dibina oleh penduduk sekitar.

20 Mei 1957 : Sekolah dibuka (Sek. Melayu Rinching Hilir) (En. Jaafar bin. Hj Sharif - Guru Besar pertama, Menjadi guru kepada 41 orang murid.

13 Nov 1957 : Lembaga Pengurus Sekolah diwujudkan (Pengerusi : En. Rabit B Idris, Ketua Kampung, AJK : 8 orang bapa)"





"Gambar-gambar kenangan bangunan lama sebelum dirobohkan. (Sept 2009)"

(Sumber: Laman SK Rinching Hilir, Bangi:

"Profil").

1958-01-01: Jalan Bangi-Semenyih Banjir

Tarikh	Butiran Keratan
1958.01.01	"Flood waters subside in capital". The Straits Times, 1 January 1958, Page 4

Paras air Sungai Gombak dan Sungai Klang meningkat, menyebabkan banjir di beberapa tempat, antaranya menenggelamkan sebahagian Jalan Bangi-Semenyih.

LATAR PERISTIWA: [Banjir Sekitar Bangi](#).

1958-07-07: Kejohanan Badminton Negeri

Tarikh	Butiran Keratan
1958.07.07	"Abu, Mohamed in final". The Straits Times, 7 July 1958, Page 14

Abu Bakar Rahid dari Bangi, berjaya ke peringkat akhir kejohanan badminton Melayu Selangor.

1958-11-19: Laporan Banjir (Berita Harian)

Tarikh	Butiran Keratan
1958.11.19	"JERTEH IS LIKE AN ISLAND AS WATER MOUNTS". The Straits Times, 19 November 1958, Page 1
1958.11.22	"TABONG DERMA BANTUAN WAKTU BANJIR". Berita Harian, 22 November 1958, Page 1

Banjir di pantai timur dan barat, antara lain menenggelamkan sebahagian [Jalan Reko-Dengkil \(Kajang-Bangi\)](#).

LATAR PERISTIWA: Laporan ini telah diterbitkan di dalam keluaran ke-438 **akhbar Berita Harian, sejak ia mula diterbitkan pada tahun 1957.**

LATAR PERISTIWA: [Banjir Sekitar Bangi.](#)

1959-01-03: Kampung Sungai Kembong

Tarikh	Butiran Keratan
1959.01.03	"Di-mana mereka sekarang?". Berita Harian, 3 January 1959, Page 9

Usaha jejak kasih para pembaca akhbar. Antaranya Ismail Karimi, dari [Sungai Kembong, Bangi](#), mencari abang serta bekas imam kampungnya, Mohd Amin (mungkin di Sumatera, ada anak bernama Saodah).



[Sungai Kembong, Bangi.](#)

CATATAN 1: Kampung Sungai Kembong ialah tempat kelahiran tokoh budayawan, [A Wahab Ali](#).


CATATAN 2: Terdapat sebuah sekolah di sini, yang telah [ditutup pada Januari 1971](#).

1959-02-19: Ruangan Pa' Belalang

Tarikh	Butiran Keratan
1959.02.19	"RINDU DENDAM" . Berita Harian, 19 February 1959, Page 6

Surat pembaca dari Bangi, mengadu masalah peribadinya di ruangan "Pa' Belalang", salah satu "Feature" dalam Berita Harian ketika itu. (Ghazali Ismail, 1962:

"Wartawan Dalam Seribu Suasana", m.s.8)



Ruangan Pa' Belalang, Berita Harian.

1959-07-03: Pendaratan Cemas

Tarikh	Butiran Keratan
1959.07.03	"Jentera buat ragam" . Berita Harian, 3 July 1959, Page 1

Kapal terbang jenis [Auster](#), dalam perjalanan dari Seremban ke Kuala Lumpur, membuat pendaratan cemas di tanah lapang di sebuah ladang getah berdekatan Bangi Road, Semenyih. Kedua-dua juruterbangnya tidak cedera.



[Auster J/5F Aiglet Trainer, 1953](#): kemungkinan rekabentuk kapal terbang yang seakan ini. (Gambar:

[Wikipedia](#))

1959-07-21: Temasya Budaya (KUBU)

Tarikh	Butiran Keratan
1959.07.21	"Hari Ibu Bapa Sekolah Bangi". Berita Harian, 21 July 1959, Page 8
1959.09.17	"Temasha hari ibu bapa". Berita Harian, 17 September 1959, Page 8
1959.12.18	"Malam seni dan sandiwara". Berita Harian, 18 December 1959, Page 2

Beberapa siri temasya sukan dan seni berlangsung di sekolah-sekolah di sekitar Bangi:-

- **23/07/1959:** Hari Ibu Bapa di [Sekolah Umum Bangi](#): temasya sukan dan pameran hasil pertukangan, serta pementasan sandiwara "Bercherai Kasih" dan "Anika Ragam", oleh Che Gu Idrus.
- **17/09/1959:** Temasya yang sama di [Sekolah Umum Rinching Hilir, Bangi](#).
- **20-21/12/1959:** Malam seni dan sandiwara di [Sekolah Kebangsaan Bangi](#), oleh Pemuda pemudi **Kumpulan Budi Utama (KUBU)**: 20/12: "Mahsuri", 21/12: "Malam Seni".

LATAR PERISTIWA: [Perihal Sekolah Melayu / Umum / Kebangsaan Bangi](#).

LATAR PERISTIWA: [Perihal Kumpulan Budi Utama \(KUBU\)](#).




Gambar hiasan: Bangi, 1956 (Faizal Hj Zainal, September 14, 2008:

["Sejarah Bangi"](#)).

1959-08-24: Masjid Batu Tiga, Jalan Bangi

Tarikh	Butiran Keratan
1959.08.25	"Penduduk menyambut baik perkhidmatan pos dengan berkereta". Berita Harian, 25 August 1959, Page 7

Antara lain melaporkan penduduk Kampong Batu Tiga, Jalan Bangi, Semenyih, bergotong-royong menyiapkan [Masjid Batu Tiga, Jalan Bangi](#): *"Penduduk2 Kampong Batu Tiga, Jalan Bangi, Semenyih sedang giat bekerja gotong royong untuk menyiapkan beanaan sa-buah masjid di-sini. Ada-lah di-fahamkan Masjid itu di-jangka akan siap di-bena tidak lama lagi, bahawa penduduk2 kampong itu akan mengadakan sambutan maulud Nabi s.a.w. di-masjid baharu itu kelak."*



Kiri: Masjid Kg Batu 3, setelah lebih 10 tahun beroperasi (1970).

Kanan: Peta lokasi Masjid Kg Batu Tiga, Jalan Bangi, kini ([Mapcarta](#)).

CATATAN: Kira-kira 10 tahun selepasnya, pada 26 Januari 1970, Jawatankuasa Lembaga Kemajuan Kampung Batu Tiga, diketuai oleh En. Alias bin Pensil, telah memohon bantuan dana sebanyak RM25,000 daripada Kerajaan Negeri Selangor. Dana ini bertujuan membina bangunan masjid baru,

bagi menggantikan bangunan asal yang telah uzur dan tidak dapat lagi menampung bilangan jemaah yang semakin bertambah.

1959-08-31: Majlis Khatam Quran

Tarikh	Butiran Keratan
1959.08.31	"MAJLIS BERKHATAM KUR'AN". Berita Harian, 31 August 1959, Page 15

Majlis khatam Quran di rumah Che gu R. Zalwa R. Ahmad, Batu Satu, Jalan Bangi Semenyih.



1959-11-10: Jalan Kampung Sungai Buah

Tarikh	Butiran Keratan
1959.11.10	"Belanja untok buat jalan". Berita Harian, 10 November 1959, Page 7

ADUN Semenyih, [Dato' Kampo Radjo](#), mengumumkan peruntukan untuk pembinaan dan penaiktarafan beberapa batang jalan, antaranya meninggikan sebatang jalan di Sungai Buah, Bangi.


LATAR PERISTIWA: [Sejarah Awal Bangi: 1925: Kampung Sungai Buah](#)

LATAR PERISTIWA: [Perihal Dato' Kampo Radjo](#).

1959-12-18: Banjir di Kajang dan Bangi

Tarikh	Butiran Keratan
1959.12.18	"S'PORE-K.L. ROAD CUT". The Straits Times, 18 December 1959, Page 1

Banjir di Kajang dan kawasan sekitar. Antara yang ditenggelami air: Bandar Kajang (Jalan Mendaling, Kg (Sri?) Jambu, Kg Paya), Jalan Kajang-Bangi, Jalan Semenyih-Bangi.



Kawasan banjir di Kajang, Jalan Kajang-Bangi, dan Jalan-Semenyih Bangi.

LATAR PERISTIWA: Banjir Sekitar Bangi.



Gambar hiasan: "Perarakan Maulid Nabi di Pekan Bangi", 1950-an (1957?) (Faizal Hj Zainal, September 14, 2008:

"Sejarah Bangi").

From:

<https://bangi.pulasan.my/> - **Cebisan Sejarah Bangi**

Permanent link:

<https://bangi.pulasan.my/sejarahbangi-1950-1959?rev=1762391843>

Last update: **2025/11/06 09:17**

